

**“WALAUPUN ADA DESAKAN SUPAYA KERAJAAN BERBUAT
DEMIKIAN BAGI BOLEHKAN RAKYAT KRITIK RAJA”**

Akta Hasutan tidak akan dipinda – PM

UM 22 DEC 1990



**DARIPADA
SIRAJUDDIN RAFIA**
WAKIL UTUSAN
LONDON

LONDON 21 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Hasutan walaupun terdapat desakan-desakan supaya kerajaan berbuat demikian bagi membolehkan rakyat menegur atau mengkritik raja-raja.

Perdana Menteri berkata, di bawah akta yang ada sekarang, raja-raja bukan terselamat daripada teguran walaupun adalah menjadi suatu kesalahan bagi menganjurkan supaya raja-raja dihapuskan.

"Jadi Akta Hasutan tidak perlu dipinda kerana rakyat memang boleh membuat teguran-teguran selagi mereka tidak menganjurkan supaya sistem beraja yang kita amalkan sekarang dihapuskan," ujar beliau ketika bercakap kepada para wartawan Malaysia di sini sejurus sebelum berlepas pulang ke tanahair pagi ini.

Ditanya mengenai perkembangan terbaru hasil daripada usul Raja dan Perlembagaan di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ia membawa beberapa kesimpulan, antaranya ialah:

- Raja-raja kini menyedari bahawa mereka tidak terkeluar daripada teguran dan kritik rakyat dan dengan itu mereka hendaklah sentiasa menjaga kedudukan sebagai Raja Berperlembagaan;
- UMNO akan terus memainkan perannya untuk membuat apa juga teguran dan kritik yang difikirkan perlu demi untuk melindungi sistem Raja Berperlembagaan itu dalam sebuah negara demokrasi berparlimen.

Perdana Menteri berkata, sekarang ini segala-galanya sudah terbuka luas kepada perbincangan umum. Dengan itu semua pihak harus memahami bahawa ia tidak akan pergi dengan cepat dan beliau berharap raja-raja juga akan memahami hakikat ini.

Menurut beliau, jawatankuasa khas UMNO yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba akan mengadap raja-raja untuk menjelaskan mengenai perkara ini bagi mengelakkan sebarang kekeliruan atau salah faham.

LIHAT MUKA 2

AKTA HASUTAN TIDAK AKAN

Perdana Menteri bagaimanapun sekali lagi menegaskan bahawa matlamat UMNO adalah semata-mata untuk mempertahankan dan melindungi sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan selama ini dan dengan itu adalah amat penting bagi raja-raja turut menjaga tingkah laku mereka dan mengelakkan dari sebarang perbuatan yang boleh menhancurkan sistem itu sendiri.

Malah semasa berucap kepada para pelajar Malaysia di Malaysia Hall di sini kelmarin, Dato' Sri Dr. Mahathir mengulangi pendirian UMNO bahawa ia

tidak sekali-kali berniat untuk "membuang raja" tetapi sebaliknya untuk menegakkan kedudukan mereka sebagai Raja Berperlembagaan.

"Kita hendak letakkan raja-raja kita di atas takhta, kita hendak sanjung mereka dan sembah mereka. Jadi mereka hendaklah menerima hakikat itu dan janganlah campurtangan secara langsung dalam politik dan mendedahkan diri mereka kepada caci cerca rakyat," ujar beliau.

Perdana Menteri berada di London sejak Sabtu lalu kerana melakukan lawatan tidak rasmi selama

enam hari.

Semasa berada di sini beliau telah mengambil kesempatan mengunjungi Perdana Menteri baru Britain, Encik John Major dan mengadakan perbincangan-perbincangan mengenai hal ehwal antarabangsa dan perkara-perkara kepentingan bersama.

Menurut Perdana Menteri, antara perkara yang dibincangkan itu termasuklah soal krisis Teluk, Eropah Timur dan pergolakan di Soviet Union, soal Komanwel dan rantau Asia Tenggara di samping isu-isu

DIPINDA - PM

22 DEC 1990

penting yang melibatkan kepentingan bersama dan hubungan dua hala Malaysia-Britain.

"Kami berbincang mengenai banyak perkara secara terperinci mengenai hubungan dua hala dan Encik Major juga meminta pandangan saya mengenai pergolakan di rantau Asia seperti di Pakistan, India, Bangladesh dan lain-lain," kata beliau.

Bekas Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher juga telah mengunjungi Dato' Sri Dr. Mahathir di kediamannya di Hyde Park Gate di sini.

"Pada mulanya saya cadang hendak pergi mengunjunginya, tetapi dia kata tak payahlah sebab dia baru pulang dan rumahnya masih belum sempurna. Jadi dia sendiri yang hendak datang jumpa saya di sini,"

Pertemuan antara dua rakan lama itu memakan masa selama lebih satu jam.

Perdana Menteri juga telah mengadakan perbincangan dengan Presiden Mitsubishi, Encik N. Nakamura yang terbang khas daripada Tokyo untuk menemui beliau di sini.

Mereka telah berbincang mengenai beberapa perkara berhubung dengan program kerjasama Mitsubishi dan HICOM. Butir-butir perbincangan itu tidak diketahui tetapi *Utusan Malaysia* difahamkan ia merangkumi kemungkinan Proton Malaysia mengeluarkan ciptaan baru kereta-kereta Proton Saga di samping lain-lain keluaran seperti bas dan lori.

Beliau juga telah mengambil kesempatan melawat ke sebuah syarikat perunding rekabentuk kereta dan kenderaan, Hawthall Writing, di Essex.